



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MEMUPUK NILAI MANUSIAWI"

25 Oktober 2024 / 22 Rabiulakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk

## "MEMUPUK NILAI MANUSIAWI"

Kebelakangan ini, nilai dan akhlak manusia bagaikan semakin terhakis daripada tahap kemuliaan insan sebagai makhluk yang diciptakan Allah dengan dengan sebaik-baik kejadian. Allah SWT mengangkat martabat anak-anak Adam dengan bentuk kejadian yang indah, dikurniakan akal fikiran mengatasi makhluk lain, sebagai suatu nikmat yang wajib disyukuri. Hayatilah bagaimana Allah SWT memuliakan manusia sebagaimana firman Nya dalam surah al-Isra' ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾﴾

Bermaksud: "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam. Dan Kami telah mengangkut mereka di daratan dan di lautan, dan Kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang lebih sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan."

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Manusiawi bermaksud bersifat kemanusiaan, bercirikan kemuliaan berdasarkan adab-adab yang selayaknya dimiliki dan diamalkan oleh seorang manusia. Manusia ialah makhluk Allah SWT yang paling istimewa kerana dikurniakan akal serta boleh berfikir, berkehendak, boleh menerima dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Allah SWT menunjukkan kelebihan kurniaan kepada manusia berbanding makhluk lain, seperti ilmu yang telah dikurniakan kepada Nabi Adam Alaihissalam yang tidak dikurniakan kepada Malaikat. Perkara-perkara inilah yang mewajibkan manusia berakal budi, membezakan antara manusia dengan haiwan.

### **Muslimin Rahimakumullah,**

Akhir-akhir ini, nikmat dan kurniaan Ilahi semakin dilupakan disebabkan kemahuan hati dan pengaruh nafsu untuk meraih kuasa, pangkat, kekayaan dan harta. Ummah saling bermusuhan, berbalas cacian dan makian, menghina dan merendahkan orang lain tanpa batasan.

Berdasarkan laporan Kementerian Perpaduan Negara, dalam suku tahun pertama tahun 2024, sebanyak 47 kes kenyataan berbaur kebencian menyentuh agama dan perkauman telah direkodkan. Laporan Polis Diraja Malaysia pula menunjukkan 162 kes dicatatkan di seluruh negara, melibatkan pergaduhan antara kaum. Saluran media sosial turut menjadi medan perpecahan dan permusuhan ummah; sepanjang Januari hingga Mac 2024, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah menurunkan 1,454 kandungan berbaur keagamaan, perkauman serta menyentuh institusi diraja. Daripada jumlah tersebut, 588 merupakan kandungan berunsur kebencian kaum, 727 berunsur kebencian agama dan 139 berunsur kebencian terhadap institusi diraja.

### **Sidang Jumaat yang dilimpahi lindungan Ilahi,**

Laporan yang khatib sampaikan, ternyata tidak mencerminkan keindahan Islam, di sebaliknya bersalahan dengan nilai yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW. Baginda diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia dan amat menitik beratkan keindahan adab sebagaimana sabda Baginda dalam sebuah hadis sahih daripada Abu Hurairah RA:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Bermaksud: Sesungguhnya tidak aku diutus melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.



Nilai manusiawi dan akhlak mulia Baginda SAW wajib diwarisi, dijadikan contoh ikutan dan teladan terbaik oleh seluruh umat manusia. Namun, cabaran kemodenan dan kemajuan dunia pada hari ini, boleh menggugat nilai dan akhlak manusiawi sekiranya tidak dipupuk dan dijadikan prinsip hidup.

Para sahabat Baginda SAW sentiasa memberikan contoh ikutan yang baik kepada umat manusia. Sayidina Abu Bakar As-Siddiq RA menunjukkan kejujuran dan sikap bertanggungjawab yang tidak berbelah bahagi sehingga beliau berjaya memimpin umat selepas kewafatan Baginda SAW. Ketegasan dan keberanian Sayidina Umar Al-Khattab RA, menjadikan beliau dihormati dan disegani kawan mahupun lawan. Berakhlaklah seperti Sayidina Usman bin Affan RA, kekayaan beliau tidak menjadikannya sombong terhadap manusia lain. Contohilah sifat Sayidina Ali bin Abi Talib RA, yang sentiasa berusaha untuk mempelajari ilmu dan perkara-perkara baharu bagi mengimbangi kehidupan dengan lebih baik. Manakala bagi para Muslimat, contohi sikap Sayidatina Khadijah, meskipun kaya dan berjaya dalam perniagaan, tetapi sentiasa merendah diri dan sanggup berkorban demi meningkatkan ketinggian syiar Islam. Sifat dan akhlak terpuji akan melahirkan suasana yang rukun dan harmoni, persaingan sihat dan semangat bekerja yang tinggi untuk meraih kejayaan dan kecemerlangan ummah dan agama.

### **Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Kecintaan kepada Allah dan Rasul akan menjauhkan ummah daripada akhlak buruk yang tidak mencerminkan keperibadian yang dianjurkan oleh Islam. Janganlah kerana kuasa, pangkat, pengaruh dan harta, ummah menggadaikan prinsip agama yang menjadi penentu jatuh bangunnya sesuatu peradaban dan tamadun. Justeru, mimbar menyeru ummah agar memupuk dan menjaga nilai manusiawi sebagai tanda kesyukuran atas anugerah dan nikmat yang dilimpahkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba Nya dengan menyemai amalan-amalan berikut:

**Pertama: Berakhlak menurut Al-Quran** – Al-Quran mengajar umat untuk mengabdikan diri kepada Allah selaku Pencipta, memerintah manusia untuk menjadi hamba yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri serta segala makhluk dan ciptaan Allah SWT. Ummah wajib memelihara kehidupan yang aman dan makmur dengan menjadikan syariat Allah sebagai pedoman hidup membangunkan akhlak yang mulia.



**Kedua: Mengamalkan sikap empati dan kasih sayang** – iaitu keupayaan untuk memahami perasaan dan keadaan orang lain boleh membantu kita menjadi lebih peduli, cakna dan memahami keperluan orang lain. Lantaran itu kita boleh menawarkan bantuan dan sokongan yang tulus, terbit daripada perasaan kasih sayang, sekali gus mendorong kita untuk menjaga hubungan yang baik dan menghindari perbalahan yang tidak perlu.

**Ketiga: Mendirikan solat serta menghayati ajaran Islam** – ibadah dan amalan yang ikhlas dan istiqamah akan membuahkkan kelakuan sopan, menzahirkan peribadi dan akhlak yang terpuji sebagai bukti kecintaan seorang hamba kepada Allah dan Rasul Nya.

**Keempat: Membina pemikiran yang positif** – berfikir secara positif berupaya untuk melihat dan menilai setiap perkara dari sudut kebaikan, dan pandangan yang membawa kepada kesejahteraan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Hayyu Ya Qayyum!**, kurniai kami hati yang suci dan jiwa yang pemurah, dipenuhi rasa kasih sayang, kemurahan, dan keikhlasan terhadap kemanusiaan. Jadikan kami orang yang mengamalkan keadilan dan ihsan, serta menyeru kedamaian. Lembutkan hati kami untuk menyayangi mereka yang lemah dan memerlukan, dan kurniai kami kemampuan untuk secara ikhlas dapat membantu mereka yang memerlukan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.

## **KEPADA KHATIB / IMAM BERTUGAS**

### **PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 25 OKTOBER 2024**

Sidang Jemaah yang dimulikan

Di sini ada satu pengumuman, iaitu bermula Januari 2024, tiada lagi bil cukai tanah/petak akan dikeluarkan secara fizikal. Pemilik hartanah di negeri Perak boleh menyemak, mencetak bil dan seterusnya membuat bayaran secara atas talian melalui Portal Awam e-Tanah. Portal Awam ini turut menyediakan kemudahan melaksanakan sepenuhnya urusan Kebenaran Pindah Milik (MB Consent), Carian Rasmi, Carian Persendirian dan Salinan Hakmilik secara atas talian. Justeru itu, tuan-tuan amatlah dialu-alukan untuk mendaftar sebagai pengguna di Portal Awam e-Tanah Perak bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan hartanah di negeri Perak dapat dilakukan termasuklah bagi tujuan pembayaran bil cukai tanah/petak.

Semoga sidang Jemaah sekalian diberkati oleh Allah SWT dan dipermudah segala urusan.